



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

12hb Januari 2024

TAMBAHAN
No. 1

No. 748.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
STATUT CANSOLOR 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Canselor 2024.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

- Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan tinggi;
“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin; dan
“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

Pelantikan dan kuasa

- (1) Canselor hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri, dan hendaklah dilantik bagi suatu tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut seksyen 10 Perlembagaan.

(2) Canselor boleh dengan mengutus surat yang ditandatangani kepada Yang di-Pertuan Agong, meletakkan jawatannya, atau dia boleh dipecat oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Seseorang yang dilantik sebagai Canselor adalah layak dilantik semula bagi jawatan Canselor.

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan lain yang terkandung dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, kuasa Canselor yang dilantik di bawah seksyen 10 Perlembagaan, hendaklah termasuk perkara yang berikut:

- (a) menjadi ketua Universiti;
- (b) menjadi pengerusi mana-mana Konvokesyen;
- (c) hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Statut, Kaedah atau Peraturan; dan
- (d) boleh melantik, atas nasihat Menteri, orang yang difikirkannya patut sebagaimana Pro-Canselor.

Kesahan perbuatan Canselor yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

4. Tiada apa-apa keputusan, perbuatan atau peninggalan oleh Canselor yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

CHANCELLOR STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of University Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Chancellor Statute 2024.

(2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for higher education;

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin; and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

Appointment and power

3. (1) The Chancellor shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Minister, and shall be appointed, for such period, not exceeding seven years, as may be specified by the Yang di-Pertuan Agong in accordance with section 10 of the Constitution.

(2) The Chancellor may be writing under his hand addressed to the Yang di-Pertuan Agong resign his office, or he may be removed by the Yang di-Pertuan Agong.

(3) A person appointed as the Chancellor shall be eligible for reappointment to the office of Chancellor.

(4) Without prejudice to the other provisions contained in the Constitution, Statutes, Rules and Regulations, the powers of the Chancellor appointed under section 10 of the Constitution, shall include the following matters:

- (a) being the head of the University;
- (b) presiding when present at any Convocation;
- (c) shall have such other power and performs such other duties as may be conferred or imposed upon him by this Constitution or any statute, rules and regulations; and
- (d) may appoint, on the advice of the Minister, such person to be Pro-Chancellor as he may consider proper.

Validity of acts of Chancellor exercising the duty before the coming into operation of Statute

4. No acts or omissions by the Chancellor who exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Chancellor
Universiti Sultan Zainal Abidin